

# Senjata Malbatt akan ditambah

KUALA NERANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan membuat keputusan menambah kekuatan Batalion Malaysia (Malbatt) di Bosnia-Herzegovina, semata-mata untuk mempertahankan rakyat negara itu.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat sebelum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meminta Malaysia menambah kekuatan tentera di negara Balkan itu.

Beliau berkata, hasrat Malaysia itu adalah berikutan beberapa negara Eropah, menarik balik tentera dari Bosnia.

"Kita nak tambah bilangan tentera kerana kita takut ugutan beberapa

negara Eropah keluar dari Bosnia dan tinggal orang Bosnia kepada orang Serbia untuk membuat apa-apa (yang mereka suka)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, mengenai hasrat Malaysia menambah jumlah anggota di Bosnia.

Dr Mahathir berada di Holiday Inn Resort, Pedu Lake di Empangan Pedu, dekat sini selepas melancarkan perkhidmatan pengangkutan udara pertama di negara ini ke pusat pelancongan tasik di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat Alor Star, hari ini.